



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

Ministry of Agriculture and Food Security

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.kpk.gov.my

SIARAN MEDIA

MALAYSIA-THAILAND PERKUKUH KERJASAMA PERDAGANGAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

PUTRAJAYA, 25 MAC 2025 - YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah menerima kunjungan hormat daripada TYT Chai Wacharonke, Wakil Perdagangan Thailand di Putrajaya pada 24 Mac 2025. Hadir sama dalam pertemuan ini ialah YBhg. Datuk Azah Hanim Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar); YBhg. Dato' Nor Sam Alwi, Ketua Pengarah Jabatan Pertanian; YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar; YBhg. Dato' Haji Adnan Bin Hussain, Ketua Pengarah Perikanan serta pegawai-pegawai kanan Kementerian.

Malaysia dan Thailand mempunyai kerjasama erat dalam bidang pertanian. Thailand merupakan antara rakan dagang utama Malaysia. Pada tahun 2024, jumlah perdagangan sektor pertanian antara Malaysia dan Thailand mencatat nilai RM20.96 bilion.

Semasa pertemuan ini, kedua-dua pihak membincangkan isu akses pasaran serta aktiviti perdagangan antara kedua-dua negara. Perkara yang dibangkitkan termasuk permohonan akses pasaran ke Thailand yang melibatkan eksport udang putih dan siakap sejuk dingin (chilled) serta bahagian kaki dan dalaman ayam. Pihak Thailand akan mendapatkan maklum balas dan status terkini bagi kedua-dua perkara tersebut daripada agensi yang berkaitan.

YB Menteri turut memaklumkan bahawa Malaysia telah mengemukakan permohonan untuk mendapatkan maklumat mengenai syarat-syarat transit bagi produk berasaskan tumbuhan yang dihantar dari Malaysia ke China menggunakan perkhidmatan keretapi kargo ASEAN Express yang perlu melalui negara Thailand. Dalam hal ini, YB Menteri berharap TYT Chai Wacharonke dapat memudah cara proses penyaluran maklumat tersebut bagi membantu menyelesaikan isu ini.

Di akhir pertemuan, YB Menteri memaklumkan mengenai penyertaan Malaysia dalam THAIFEX – Anuga Asia, satu ekspo perdagangan sektor makanan yang akan diadakan di Bangkok dalam bulan Mei 2025. TYT Chai Wacharonke mengalu-alukan kunjungan YB Menteri ke Bangkok dan penyertaan Malaysia di ekspo tersebut serta berharap jalinan kerjasama antara kedua-dua negara kekal kukuh.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
25 MAC 2025